

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 4/10/2010

Pemimpin Asia, Eropah akan mencari penyelesaian terbaik

UM - 4/10/2010

Kekusutan ekonomi jadi fokus

BRUSSELS 3 Okt. – Sidang Kemuncak Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) Kelapan yang bermula di sini esok dilihat dapat merapatkan jurang perbezaan pandangan antara pemimpin dua benua itu sekaligus mencari jalan menangani kemelut politik dan ekonomi global.

Kali ini giliran benua Eropah menganjurkan sidang kemuncak dua hari, dua tahun sekali itu. Sidang ketujuh diadakan di Beijing, China, yang antara isu utamanya juga menyentuh aspek kekusutan ekonomi dunia.

Walaupun sidang ini merupakan dialog tidak formal dan tidak mengikat dari segi undang-undang, namun ia dilihat platform terbaik untuk pemimpin-pemimpin Asia dan Eropah berbincang.

Sejak sidang ini bermula pada tahun 1996 di Bangkok, Thailand, Malaysia tidak pernah ketinggalan menyertainya secara aktif.

Kali ini, giliran Datuk Seri Najib Tun Razak selaku Perdana Menteri mengetuai delegasi negara buat pertama kalinya ke sidang tersebut.

Najib yang tiba di Brussels, Belgium petang ini, sudah pasti akan menjelaskan pendirian Malaysia berhubung pelbagai isu antarabangsa membabitkan politik dan ekonomi.

**MOHD. NOR
ABDUL SAMAD**
melaporkan
dari BELGIUM



Sebelum ini, Perdana Menteri hadir di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) di New York antara lain, Najib dalam ucapan sulungnya menegaskan pentingnya masyarakat dunia menepikan fahaman ekstremis atau melampau dan mengamalkan konsep kesederhanaan sejagat bagi melahirkan dunia aman, selamat dan adil.

Dalam Sidang Kemuncak ASEAN dan Amerika Syarikat pula, Najib menegaskan tentang perlunya diperbetulkan pandangan takut tentang Islam atau Islamo-

phobia yang menular di kalangan masyarakat negara kuasa besar dunia itu.

Kemuncaknya, ada usaha pihak-pihak tertentu hendak membakar al-Quran sempena memperingati tragedi 11 September 2001.

Sementara itu, tema pada sidang Asem kelapan ialah Kualiti Kehidupan, Ke Arah Meningkatkan Kesejahteraan dan Martabat Semua Rakyat.



NAJIB Tun Razak disambut oleh pegawai dan rakyat Malaysia sejurus tiba di hotel penginapannya di Brussels, Belgium, semalam. Perdana Menteri dalam rangka lawatan selama tiga hari sempena ASEM Kelapan. – BERNAMA



ASIA-EUROPE MEETING